

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514)



**Penambahbaikan Dalam
AKKP (Pindaan) 2022 (Akta A1648)
Berkkuatkuasa 01 Jun 2024**



1. Pemakaian

Terpakai kepada semua tempat kerja KECUALI

- Perkhidmatan domestik
- Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- Pekerjaan di atas kapal



2. Pentaksiran Risiko

Peruntukan spesifik kewajipan majikan untuk menjalankan pentaksiran risiko dan langkah kawalan risiko di tempat kerja.

- Kenalpasti risiko ■ Analisis risiko
- Kawalan risiko



3. Kewajipan Majikan

Memperkenalkan tanggungjawab tambahan kepada "majikan"

- Keperluan membangun & melaksana pelan kecemasan di tempat kerja.

Bagi memastikan wujud tatacara atau pelan untuk mengurangkan akibat kemalangan yang berlaku.



4. Kewajipan Prinsipal

Memperkenalkan tanggungjawab "prinsipal"

- Menjelaskan tanggungjawab antara pemaju / pemilik dengan kontraktor, subkontraktor dan pekerja.

Isu KKP diambil kira dari peringkat awal. Iaitu pada peringkat perancangan dan rekabentuk.



5. Hak Pekerja

Menambahbaik hak pekerja dengan mengambil kira Artikel 13, International Labour Organization (ILO) C155

- Hak pekerja untuk mengasingkan diri dari tempat kerja sekiranya terdapat bahaya hampir pasti yang mengancam KKP mereka.



6. Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan

- Pengadaan perkhidmatan bagi perlindungan kesihatan pekerja semasa berkerja;
- Penggalakan kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja;
- Pencegahan penyakit dan keracunan pekerjaan.



7. Melantik OSH-C

Keperluan melantik pekerja untuk bertindak sebagai Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-C) jika mempunyai lima atau lebih pekerja di tempat kerja bagi tempat kerja tidak seperti warta di bawah subseksyen 29(1).



8. Keperluan Latihan KKP

Keperluan "kelas atau perihal orang" untuk menghadiri kursus KKP yang ditetapkan.

- Memastikan pekerja diberikan latihan yang ditetapkan sebelum melakukan aktiviti kerja.



9. Integriti Jentera

Memasukkan elemen pengurusan integriti jentera, pemeriksaan jentera, perakuan kelayakan dan skim pemeriksaan khas.



10. Orang Berlesen (OBL)

Peruntuk bagi melantik Orang Berlesen untuk melakukan pemeriksaan jentera dan mengeluarkan sijil kelayakan jentera (CF).

- Meningkat mutu pengurusan jentera dan mengatasi isu backlog pemeriksaan jentera.



11. Kawal Selia Pengamal KKP

Pendaftaran, pemantauan dan akauntabiliti pengamal KKP (orang kompeten, penyedia latihan, firma kompeten) diseragamkan di bawah Perundangan.

- Meningkat komitmen dan tahap profesionalisme pengamal KKP.



12. Memperkasa Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP)

Meningkatkan keberkesanan MNKKP

- Keanggotaan maksimum 25 orang (Kerajaan, majikan, pekerja, NGO, ahli akademik dan profesional).

- Selaras dengan perkembangan kompleksiti Industri.

Wakil	AKKP 1994 (ahli)	Pindaan AKKP (ahli)
Majikan	3 (organisasi yang mewakili majikan)	5 (organisasi yang mewakili majikan)
Pekerja	3 (organisasi yang mewakili pekerja)	5 (organisasi yang mewakili pekerja)
Kementerian Jabatan	≥ 3	5 (termasuk KP Kesihatan & wakil Kementerian atau Jabatan)
Organisasi / Badan Profesional	≥ 3 termasuk 1 wanita	≥ 3 termasuk 1 wanita (Organisasi / Badan Profesional)
Agensi KSM	Bukan ahli (pemerhati)	KSU KSM, KP JKKP, ED NIOSH, KE PERKESO
Jumlah	12 < ahli < 15 (termasuk Pengurus & Timb.Pengurus)	22 < ahli < 25 (termasuk Pengurus, Timb. Pengurus & Setiausaha)



13. Peningkatan Penalti

	Penalti Sedia ada	Penalti Pindaan
Penalti Am	RM10K	RM100K
Kewajipan Majikan, Prinsipal	-	Penjara : 1 tahun
	RM 50K	RM 500K
Kewajipan Pekerja	Penjara : 2 tahun	Penjara : 2 tahun
	RM 1K	RM 2K
Orang Kompeten	-	Penjara : 3 bulan
	RM 50K	RM 500K
Tidak mematuhi Notis	Penjara : 5 tahun	Penjara : 2 tahun
	Setiap hari kesalahan berterusan - RM 500	Setiap hari kesalahan berterusan - RM 2K

Perbandingan dengan

- Lain-lain Akta tempatan (Akta 127, Akta 520) yang mempunyai konsep perundangan yang sama menetapkan penalti maksima RM500K
- Akta KKP luar negara juga mengenakan denda yang tinggi.